



Lelaki gay calon suami

Gadis murung keluarga tolak pilihan hati

Soalan

SAYA pelajar perempuan berusia 23 tahun dan menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Saya berkenalan dengan seorang lelaki tujuh tahun lebih tua daripada saya.

Di awal perkenalan, saya hanya menganggapnya kawan biasa kerana setahu saya dia seorang homoseksual.

Bagaimanapun, disebabkan terlalu rapat, saya jatuh cinta dengannya.

Rupanya saya tidak bertepuk sebelah tangan kerana dia juga mempunyai perasaan yang sama.

Hubungan kami dapat dihidu keluarga saya dan mereka menentang kerana latar belakangnya.

Dia pernah berjanji akan berubah dan ingin menyunting saya sebagai isterinya apabila tamat belajar nanti.

Pernah saya menyuarkan kepada ibu hasratnya itu, tetapi ibu tetap menentang dengan alasan lelaki gay susah nak berubah.

Saya sangat sedih kerana cinta saya tidak direstui ibu dan akhirnya mengambil keputusan memutuskan perhubungan kami.

Sejak itu saya menjadi pemurung dan cepat melenting. Hidup saya juga kini tiada sinar lagi. Si dia yang saya cintai juga membawa diri ke luar negara, tetapi masih menghubungi saya.

Apa yang perlu saya lakukan sekarang ini Dr? Saya tersepit atas dasar cinta dan kemahuan keluarga. Tolonglah saya.

EZEY
Kuala Lumpur

Jawapan

MENJATUHKAN hukuman dan beranggapan negatif terhadap sesuatu memang menyukarkan proses perubahan. Justeru, apabila keluarga adik 'menjatuhkan' hukuman bahawa lelaki gay susah untuk berubah, kesannya sudah boleh diagak.

Amat sukar bagi mereka terutama ibu untuk menerima seorang gay sebagai calon suami adik.

Persepsi negatif mereka itu mungkin akan lebih menyukarkan teman lelaki untuk

menjalani kehidupan lelaki normal (orientasi seksual adalah terhadap wanita, bukan lelaki).

Keputusan memutuskan hubungan dengannya itu juga semakin menguatkan andaian bahawa lelaki gay susah untuk berubah.

Teman lelaki seolah-olah kehilangan kepercayaan daripada adik bahawa dia boleh mengubah orientasi seksualnya.

Memang benar, hidup akan hilang serinya apabila cinta itu hilang. Hal yang menyedihkan dalam hidup adalah ketika bertemu seseorang yang sangat bererti, tetapi akhirnya terpaksa melepaskannya pergi.

Teman lelaki adik sudah menemui satu 'faktor' yang membuatkan dia ingin berubah orientasi seksualnya. Faktor itu ialah adik. Bagaimanapun, hasratnya itu menempuhi banyak halangan.

Sama-samalah kita doakan agar teman lelaki akan terus dengan perjuangan dan janjinya untuk tidak lagi menjadi seorang gay.

Jika pun adik tidak dapat menjadi isterinya, beriklanlah galakan kepadanya supaya dia tidak lagi menjalani kehidupan sebagai lelaki gay.

Niat baik teman lelaki adik janganlah terhenti kerana pandangan keluarga yang mengatakan bahawa lelaki gay susah berubah. Dan juga kerana putusannya hubungan adik berdua.

Apabila adik memutuskan perhubungan, adik membina dinding pemisah antara kalian.

Justeru, sikap murung dan cepat melenting yang adik alami adalah akibat dinding yang dibina itu. Juga, kerana keinginan adik untuk bersamanya tidak dapat dipenuhi.

Dr memahami dilema adik. Sebagai anak yang mengikut kata, adik tersepit antara dua kesayangan.

Dalam keadaan ini, adik terpaksa memberi keutamaan kepada kehendak keluarga. Sikap keluarga yang menentang pilihan adik adalah kerana mereka sayangkan dan risaukan masa depan

adik yang 'terpaksa' bersuamikan seorang lelaki 'gay' sepanjang perkahwinan.

Namun rasa sayang dan risau mereka kepada adik bukanlah satu alasan untuk mereka mengatakan bahawa lelaki 'gay' susah berubah.

Mereka menentang perhubungan adik berdua kerana perasaan takut dan risau.

Dengan sentiasa beranggapan negatif terhadap lelaki gay, ia tidak akan membantu mana-mana lelaki gay untuk berubah menjadi seorang lelaki normal.

Usaha untuk lelaki gay bertukar menjadi lelaki normal bukanlah sesuatu yang baru. Di Amerika Syarikat, usaha sebegini semakin mendapat perhatian.

Antara penyebab kepada keinginan bertukar orientasi seksual ialah terdapat ramai lelaki gay menginginkan sebuah kehidupan berkeluarga normal seperti beristeri dan mempunyai anak-anak.

Mereka juga tidak lagi mahu berhadapan dengan persepsi negatif masyarakat terhadap gaya hidup mereka.

Kerisauan keluarga adik bukanlah tanpa sebabnya. Menukar orientasi seksual bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. American Psychological Association dan American Psychiatric Association mendapati usaha menukar orientasi seksual (seperti keinginan lelaki gay bertukar menjadi lelaki normal) melalui terapi sebagai kurang berkesan dan berbahaya dan boleh mendatangkan kemurungan dan kekeliruan.

Apa yang adik boleh lakukan ialah bersifat realistik dengan apa pun tindakan yang adik ambil. Melihat setiap perkara mempunyai kesan tersendiri.

Adik juga perlu bertanggungjawab atas apa yang adik lakukan. Contohnya, dengan adik memutuskan hubungan dengan teman lelaki, adik terpaksa berhadapan tindakan berpisah dengannya dan menanggung rindu dendam asmara.

Segala jawapan adalah di tangan adik.